

## Persatuan Bawean Singapura rebut gelaran Pendekar

✓ PERSATUAN Bawean Singapura (PBS) telah menja-  
di juara Pesta Silat  
anuran Persisi tahu-  
n ini bila ia memenangi gelaran  
Pendekar dengan  
kemenangan ahli silat  
cekaknya.

Pesta selama dua malam berturut-turut yang berlangsung di Panggong Negara itu — malam Sabtu dan Ahad — telah disertai oleh lebih enam buah badan Melayu di sini.

PBS telah muncul sebagai juara berdasarkan kiraan markah keseluruhan persembahan silat dua malam pertandingan itu.

### Sri Kandi

Himpunan Queens-town pula telah mengondol dua gelaran iaitu Sri Kandi dan Tunas Pendekar untuk silat Kuningannya. Ia juga memenangi gelaran Regu Terbaik Tanpa Senjata.

Perwanit telah muncul sebagai pemenang bagi bahagian Junior dengan silat seni gayungnya.

Para pemenang telah menerima hadiah-hadiah dan piala rebutan pertandingan itu — iaitu untuk Pendekar — dari isteri Pemangku Menteri Halehwal Masyarakat, Dr. Ahmad Mattar, Cik Rogayah Abu Bakar.

● GAMBAR atas oleh Tan Suan Ann menunjukkan dua orang ahli silat PBS sedang beraksi dengan silat cekak mereka di malam pesta kedua.

## Buku silat gayung dijangka siap pertengahan 1979

PERKUMPULAN Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (Pasak) akan mengeluarkan buku silat seni gayung pada pertengahan tahun depan, demikian menurut setiausaha agungnya, Encik Ariff Zahari.

Bahan-bahan untuk menyiapkan buku itu sedang dicari dan diharapkan dapat dikumpulkan akhir tahun ini.

"Semua bahan sejarah seni silat gayung di Singapura yang bermula di Pulau Sudong dari 1942 hingga hari ini telah dapat kami kumpulkan.

"Sementara sejarah seni silat itu di beberapa bahagian Malaysia seperti Kuala Lumpur, Kedah, Negeri Sembilan serta bahagian utara dan timur belum dapat dikumpulkan.

"Pihak kami beruraura untuk mengadakan lawatan ke tempat-tempat itu pada Disember ini kira-kira dua minggu, bagi mengumpulkan bahan-bahan tersebut."

Dia menjelaskan bahawa pada 4 Jun lalu, dia serta beberapa orang anggotanya telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Mahaguru Pasak, Encik Meor Rahman di Taiping, Perak.

Dan dari 9 hingga 17 Jun pula, Encik Ariff telah mengikuti rombongan Persisi ke Kuala Lumpur. Sementara pada 17 hingga 22 Jun pula menghadiri Pesta Silat Tiga Negara di Jakarta.

"Dalam Jun lalu beberapa orang anggota perkumpulan ini telah berpeluang melawat tiga buah tempat, dan dapat mengumpulkan bahan-bahan sejarahnya.

"Ini disebabkan tiga orang pegawai telah ditugaskan untuk menjalankan penyiasatan mengenai perkembangan seni silat gayung ketika berada di negara tersebut."

Dia menambah, bahan-bahan sejarah di Johor dan Melaka telah dikumpulkan oleh seorang anggota Pasak, yang kebetulan mengajar di sana.

## Kursus silat harimau

BALAI Rakyat Ghim Moh akan menganjurkan kursus seni silat Harimau mulai September ini pada tiap-tiap Khamis bertempat di balai tersebut. Sesiapa yang berminat sila hubungi balai rakyat itu atau telefon 661200 tidak lewat dari 20 Ogos 1978.

# Silat: Bezanya antara satu dgn yang lain amat sedikit

MERUJUK kembali saranan Sdra. Jamaludin Jamil (BH. 5 Ogos 1978). Ingin saya menyentuh terhadap soal tersebut. Tahniah kepada Sdra. Jamaludin kerana begitu teliti memerhatikan pergolakan yang berlaku di Malam Pesta Silat anuran Persisi (Persatuan Silat Singapura).

Sebagai seorang ahli Persisi ingin saya jelaskan bahawa saranan Sdra. Jamaludin itu sebahagian besar telahpun dilaksanakan. Seperti mengadakan gelanggang — terletak di rumah Persisi — dan latihan - latihan bagi pesilat - pesilatnya.

Dalam memperkatakan soal ini nampaknya Sdra. Jamaludin masih belum faham tentang perjalanan silat di negara kita ini.

Tae-kwan-do dan karate serta Judo tidaklah boleh disamakan dengan seni silat. Ketiga-tiga seni membela diri ini mempunyai prinsip - prinsip sendiri.

Sementara kumpulan - kumpulan silat yang ditubuhkan di negara ini pula mempunyai prinsip yang mempunyai sedikit perbezaan antara satu sama lain. Tetapi asasnya adalah silat.

Kerana itu perbezaan antara satu dengan yang lain amat sedikit sekali, ini menyebabkan sukar untuk dibeza-bezakan.

Silat yang berbau Tanah Melayu berlainan dengan silat yang condong pada tanah Jawa, begitu juga dengan silat dari daerah Sumatra.

Untuk pengetahuan Saudara, Gastapes dengan Si Pitong Cimande memang kelihatannya sama tetapi, Gastapes adalah aliran dari Sunda. Gastapes adalah kependekan dari perkataan Gabungan Seni Tari dan Pencak Sunda.

Sementara Si Pitong Cimande pula susah difahami, kerana Pitong diketahui berasal dari Betawi sedangkan Cimande pula terletak di Jawa Barat. Mengapa kedua-duanya dikaitkan sukar difahamkan.

Akar Gestapes, Singapura 14.

## Persisi bentuk untuk bukukan sejarah silat

PERSATUAN Silat Singapura (Persisi) telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pembukuan untuk menguruskan usaha membukukan sejarah silat serantau.

Jawatankuasa itu akan mencari bahan-bahan dan gambar-gambar untuk menghasilkan buku mengenai sejarah, perkembangan dan pengajaran silat di rantau ini.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Encik Johari Urip, Setiausaha Agung Persisi dan enam orang anggota Jawatankuasa.

Jawatankuasa itu akan kekal bertugas "sehingga kerja-kerja membukukan hasil kajian mengenai silat" itu siap.

"Semua hasil kajian yang telah dan akan dijalankan akan diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk menyusun dan menguruskan untuk dajadkan buku yang akan dikeluarkan oleh Persisi ini," kata Encik Johari.

### Faedah

Sejauh ini, Persisi telah mengadakan kajian dan tinjauan ke Malaysia dan Kuala Lumpur dalam usaha mereka untuk mencari bahan-bahan untuk menghasilkan buku itu.

Walaupun pada mulanya buku ini akan diterbitkan dalam bahasa Melayu, usaha-usaha juga akan di jalankan untuk menterjemahkan buku ini ke bahasa-bahasa lain demi faedah peminat silat dari bangsa lain.

Anggota-anggota Jawatankuasa lain dalam Jawatankuasa Pembukuan ini ialah Encik Ariff Zahari (pengarang), A. Rahim Dayan (pengerus umum), Ismaun Haji Ali (penolong), Jaafar Yaacob (Pengerus edaran), Suprayitno (Jurugambar) dan Mohamad Kaspari.

Sementara itu, Persisi akan mengadakan majlis ulangtahunnya dengan jamutari pada Khamis ini di Ming Court mulai 7.30 malam.